



**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga:

MPLBP/SBT/02/2021

(Kew.284-Pin.5/94)

TAWARAN SEBUT HARGA MENYEDIAKAN PELAN PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL BERTEMPOH DAN BERKELOMPOK GROUP TERM LIFE (GTL) & GROUP PERSONAL ACCIDENT (GPA) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN BAGI TEMPOH DUA TAHUN.

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.


Kepada (Nama Syarikat):	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh: UNIT PEROLEHAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan 07000, Kuah Langkawi Kedah Darul Aman
No. Telefon :	No. Telefon : 04-9666590 No. Fax : 04-9671773
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia :	
Kod bidang pendaftaran yang dibenarkan dengan perkhidmatan ini : 221801 (Syarikat Insurans) / 221802 (Broker Insurans)	Tarikh :

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan **Seperti Di Dalam Dokumen Sebut Harga (Termasuk Lampiran).**
- 1.2 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda **No. Sebut harga (sebelah kiri sampul) dan Tajuk Sebut harga.**
- 1.3 Arahan pengiriman kepada **UNIT PEROLEHAN, JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN, KEDAH DARUL AMAN.**
- 1.4 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup tawaran.
- 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran/diserahkan kepada Urusetia Perolehan yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00 tengahari pada 24 Januari 2021.**
- 1.6 Pembekal hendaklah menyertakan bersama-sama sebutharga ini dokumen berikut :-
 - i. Sesalinan sijil perakuan pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia bersama lampiran Senarai Kod Bidang yang didaftarkan.
 - ii. Sesalinan sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - iii. Salinan penyata kewangan 3 bulan terakhir.

Tarikh : **10 JANUARI 2021**

Tandatangan



.....

Nama Pegawai

:

Jawatan

:

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa pembuka sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

SENARAI KANDUNGAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Bil.	Kandungan	Muka Surat
1.0	Pendahuluan	5
2.0	Bidang Kerja-Kerja Pembekalan/Perkhidmatan.	5
3.0	Tempoh Sah Laku Sebut Harga	5
4.0	Tanggungjawab Kontraktor/Pembekal & Syarat-Syarat Kepada Penyebut Harga.	5
5.0	Harga Tawaran	6
6.0	Tawaran Dan Penolakan Dokumen Sebut Harga.	7
7.0	Larangan Rasuah	7
8.0	Perakuan Menyatakan Spesifikasi Telah Dipatuhi	8
9.0	Justifikasi Sebutharga	8
10.0	Tawaran Alternatif	8
11.0	Tafsiran	9
12.0	Tanggungjawab Pembekal	9
13.0	Hal-Hal Lain	9
14.0	Jadual Tawaran Sebut Harga (Lampiran 1)	10
15.0	Surat Akuan Sebut Harga	11
16.0	Maklumat Pembekal	13
17.0	Akuan Pembida	17
18.0	Surat Perwakilan Kuasa	18

SKOP BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA

1.0 PENDAHULUAN.

Menyediakan Pelan Perlindungan Insurans Berkelompok Kepada Kakitangan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Yang Meliputi Taraf Penjawat Kakitangan Tetap Dan Kakitangan Kontrak Untuk Tempoh Dua Tahun.

2.0 BIDANG KERJA-KERJA PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN.

Menyediakan Pelan Perlindungan Insurans Bertempoh Dan Berkelompok (Group Term) Untuk Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Berdasarkan Terma Pelan Insuran Takaful **GROUP TERM FAMILY (GTL) & GROUP PERSONAL ACCIDENT (GPA) BAGI TEMPOH DUA TAHUN.**

3.0 TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebut Harga menarik sebut harga/diri sebelum tamat tempoh sah Sebut Harga.

4.0 SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA.

- i. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang bekalan **221801 (Syarikat Insurans) / 221802 (Broker Insurans)** *(sila majukan sijil pendaftaran dengan kementerian kewangan yang masih sah tempoh lakunya sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku untuk rujukan MPLBP).
- ii. Pembekal-pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen sebutharga dalam **sampul surat bermetri (Sealed Envelope)**. Sudut kiri sampul surat hendaklah di tulis **No. Sebut Harga** serta menulis **Tajuk Sebut Harga** pada sampul dan di kembalikan kepada:-

**YANG DI PERTUA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN.**

Selewat-lewatya pada jam **12.00** tengahari pada **24 Januari 2021**

- iii. Sebutharga juga boleh dikemukakan melalui penghantaran sebut harga ke MPLBP dan dimasukkan ke dalam tong sebut harga selewatnya pada tarikh **24 Januari 2021** sebelum atau pada **jam 12.00** tengah hari.

- iv. Sebarang maklumat boleh menghubungi pegawai kami:-
 - i. Pn. Anis Sallihah Bt. Zabudin (Pegawai Tadbir)
 - ii. En. Zaki Bin Murad (Pen. Pegawai Tadbir)
 - iii. En. Shyfullizan Bin Padzil (Urusetia Perolehan)Di talian 04-9666590 / 04-9666185 untuk sebarang pertanyaan.

- v. Penyebut harga perlu menyertakan bersama-sama sebut harga ini dokumen-dokumen sokongan yang masih sah laku seperti berikut :-
 - i. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
 - ii. Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
 - iii. Sijil Pendaftaran dengan Badan-Badan atau Persatuan Insurans Am/Takaful Malaysia.
 - iv. Penyata Bank 3 Bulan Terkini.
 - v. Menyediakan Profil Syarikat.
 - vi. Semua Penyebut Harga hendaklah mengisi Surat Akuan Sebut Harga dan Surat Akuan Pembida apabila menyerahkan Dokumen Sebut Harga.

- vi. Mana-mana pembekal yang gagal mematuhi mana-mana arahan yang dikenakan akan menyebabkan tawaran sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan atau ditolak.

- vii. Pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan adalah tidak terikat dengan mana-mana tawaran terendah dan keputusan pihak Majlis adalah muktamad.

- viii. Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan. Walau bagaimanapun dokumen yang terlalu banyak pindaan tidak akan dipertimbangkan.

- ix. Tawaran sebut harga ini akan dijadikan asas oleh MPLBP untuk penilaian dan penerimaan tawaran.

- x. Tempahan muktamad tertakluk kepada sebarang pindaan yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa yang akan dimuktamadkan dalam Pesanan Kerajaan (L/O).

5.0 HARGA TAWARAN

- a. Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih dan urusniaga adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja.

- b. Harga-harga yang ditawarkan penyebut harga adalah termasuk semua kos seperti cukai-cukai kerajaan yang berkuatkuasa, pengangkutan, perkhidmatan, peralatan, insurans dan lain-lain yang bersangkutan perbekalan atau perkhidmatan.
- c. Penilaian harga antara Penyebut Harga adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam bentuk angka akan diambil kira.

6.0 TAWARAN DAN PENOLAKAN DOKUMEN SEBUT HARGA.

- a. Pembekal yang berjaya akan ditawarkan kontrak melalui Surat Setuju Terima dan satu Surat Penjanjian antara pihak Majlis bersama pembekal akan disediakan dengan merujuk terma-terma yang terdapat dalam polisi yang telah dipersetujui.
- b. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tiada terikat untuk menerima mana-mana tawaran walaupun yang terendah sekali dan tiada sebab akan diberi diatas penolakan mana-mana sebut harga tersebut. Tawaran perkhidmatan insurans ini adalah untuk **Dua (02) Tahun** tertakluk kepada prestasi pembekal dan Pertimbangan Pihak MPLBP
- c. Dokumen sebut harga akan menjadi **sebahagian daripada kontrak** dan tiada pindaan akan dibuat pada mana-mana bahagian didalam dokumen sebutharga ini melainkan mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa.

7.0 LARANGAN RASUAH

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah dibawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 7.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

8.0 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

- 8.1. Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.
- 8.2. MPLBP tidak akan melayan tuntutan bagi bayaran tambahan harga akibat dari perbezaan antara tafsiran pembekal dengan tafsiran Bahagian Kewangan MPLBP mengenai spesifikasi ini.

9.0 JUSTIFIKASI SEBUT HARGA

- i. Penyebut harga hendaklah mengisi melengkapkan tawaran sebut harga dengan merujuk kepada terma-terma perlindungan insurans yang telah ditetapkan di dalam **DOKUMEN SEBUT HARGA** seperti mana yang terdapat di **Lampiran 1** sebagai rujukan justifikasi sebutharga untuk penyebut harga menyediakan tawaran sebutharga.
- ii. Penyebut harga hendaklah mengemukakan tawaran sebutharga menggunakan kepala surat syarikat masing-masing dan mempunyai tandatangan pegawai yang sah atau wakil pegawai syarikat yang diberi kuasa serta cop syarikat yang sah.

10.0. TAWARAN ALTERNATIF

Penyebut Harga hanya boleh memberi satu (1) tawaran sahaja untuk tiap-tiap satu 'item'. (Tawaran pilihan 'alternatif' tidak akan dipertimbangkan dan ditolak).

11.0 TAFSIRAN

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan juapun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

12.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN & TANGGUNGJAWAB PEMBEKAL

- i. Pihak pembekal perlu menyelesaikan kes tuntutan insurans dalam tempoh **60 hari** dari tarikh ianya didaftarkan dan dikemukakan kepada pembekal.
- ii. Sekiranya terdapat kes tuntutan insurans yang tidak dapat diproses/tertangguh/ditolak atas sesuatu sebab tertentu, adalah dikehendaki memaklumkan secara bertulis kepada pihak Majlis untuk pertimbangan dan tindakan seterusnya.
- iii. Pihak Majlis berhak mengenakan kenaaan **Denda/Tolakan/Liquidated & Ascertained Damages (LAD)** atas kegagalan pembekal untuk mematuhi obligasi kontrak (lewat/gagal/ketidakpatuhan spesifikasi) seperti pada perkara i & ii di atas.
- iv. Kadar tuntutan **Denda/Tolakan/Liquidated & Ascertained Damages (LAD)** adalah bagi setiap satu kes tuntutan insurans yang dikemukakan berdasarkan kiraan seperti berikut :-

$$2.5\% \times \frac{\text{Harga Kontrak Setahun}}{365 \text{ Hari}}$$

- v. Syarikat adalah terus terikat dengan obligasi kontrak sehingga mana ianya diselesaikan walaupun tempoh kontrak telah tamat.

13.0 HAL-HAL LAIN

- i. Borang Sebut Harga yang tidak bersih dan dipinda-pinda atau spesifikasi yang diberi dibatalkan tanpa arahan atau kelulusan MPLBP, tidak akan diterima.
- ii. Mengemukakan invois tuntutan secara tahunan.
- iii. Bagi tujuan mendapatkan lain-lain maklumat seperti data kakitangan, sila hubungi urusetia sebut harga ini di talian **017-5478183 (Shyfullizan Bin Padzil)**

JADUAL TAWARAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : MPLBP/SBT/02/2021

PERKARA : MENYEDIAKAN PELAN PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL BERTEMPOH DAN BERKELOMPOK GROUP TERM LIFE (GTL) & GROUP PERSONAL ACCIDENT (GPA) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN BAGI TEMPOH DUA TAHUN.

Plan : GROUP TERM FAMILY LIFE (GTL) & GROUP TERM ACCIDENT (GPA)

PLAN	DESCRIPTION	COVER		TOTAL (RM) A + B
		PERMANENT (140 member) A	CONTRACT (170 member) B	
GTL	Death Benefit (All Causes)	75,000.00	30,000.00	
	TPD Benefit (All Causes)	75,000.00	30,000.00	
	PPD Benefit (All Causes)	37,500.00	15,00.00	
	Critical Illness Benefit (Accelerated)	37,500.00	7,500.00	
	Daily Hospital Allowance (All Causes)	70.00/DAY	35.00/DAY	
	Funeral Expense Benefit (Member)	3,000.00	3,000.00	
GPA	Death	80,000.00	20,000.00	
	Permanent Disablement	80,000.00	20,000.00	
	Funeral Expenses	5,000.00	2,000.00	
	Medical Expenses	5,000.00	2,000.00	
	Hospital Allowance	60.00/DAY	60.00/DAY	
JUMLAH KESELURUHAN (HARGA KESELURUHAN DITAWARKAN ADALAH BAGI DUA TAHUN)				

RINGGIT MALAYSIA :

.....

.....**SAHAJA.**

*** termasuk segala kos berkaitan seperti cukai dll.**

Tandatangan Penyebut Harga :

Nama dan K/P :

Alamat & Cop Syarikat :

Tarikh :

**SURAT AKUAN SEBUT HARGA
(BORANG TAWARAN SEBUT HARGA)**

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kuah, 07000 Langkawi
Kedah Darul Aman**

Tuan,

NO. SEBUT HARGA : MPLBP / SBT / 02 / 2021

**PERKARA : TAWARAN SEBUT HARGA MENYEDIAKAN PELAN
PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL BERTEMPOH DAN
BERKELOMPOK GROUP TERM LIFE (GTL) & GROUP PERSONAL
ACCIDENT (GPA) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN BAGI TEMPOH DUA TAHUN.**

Saya/kami yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengemukakan tawaran yang disebut dengan harga berjumlah RM..... Ringgit Malaysia :
.....Sahaja). Tawaran ini mempunyai sah laku untuk tempoh selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut Harga ini ditutup.

2. Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju sepenuhnya:

- a) Bahawa tawaran ini akan dijadikan asas oleh MPLBP untuk penerimaan tawaran kami;
- b) Bahawa MPLBP tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga;
- c) Bahawa MPLBP berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian daripada tawaran Penyebut Harga mengikut pakej atau menerima tawaran pakej yang sama daripada lebih satu Penyebut Harga;
- d) Bahawa keputusan Jawatankuasa Sebut Harga MPLBP adalah muktamad;
- e) Bahawa sekiranya tawaran kami diterima maka satu kontrak yang formal akan ditandatangani antara pihak kami dengan MPLBP selaras dengan tawaran yang diberikan sekiranya diperlukan;
- f) Bahawa Surat Akuan Sebut Harga (Borang Tawaran Sebut Harga) berserta dengan Surat Setuju Terima Sebut Harga ini hendaklah menjadi sebahagian daripada

kontrak yang mengikat antara Kerajaan dan Penyebutharga walaupun kontrak yang formal belum dilaksanakan;

- g) Bahawa sekiranya kami menolak tawaran ini atau jika maklumat yang diberikan adalah palsu, MPLBP boleh menarik balik penganugerahan sebut harga yang diberikan dan membawa kes ini ke Mahkamah; dan
- h) Bahawa kami akan mematuhi segala syarat-syarat seperti mana yang dinyatakan di dalam DOKUMEN SEBUT HARGA ini.

BAGI PIHAK PENYEBUT HARGA

Tandatangan Penyebut Harga :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Alamat/Cop Syarikat :

.....

.....

DI HADAPAN

Tandatangan Saksi :

Nama Penuh Saksi :

No. Kad Pengenalan Saksi :

Alamat :

.....

.....

MAKLUMAT PEMBEKAL

Semua butiran di lampiran ini hendaklah diisi oleh penyebut harga dengan betul dan lengkap serta dikembalikan bersama-sama dengan cadangan/tawaran. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak dan mengakibatkan tindakan diambil ke atas penyebut harga.

Bahagian A : Maklumat Asas

1. Nama Syarikat (Penyebut Harga) : _____

No. Daftar SSM : _____

2. Alamat Syarikat :-

2.1 Ibu Pejabat : _____

2.2 Cawangan : _____

3. No. Tel & Faks : _____

Emel : _____

4. No. Pend. Kem. Kewangan : _____

(Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran Yang Sah)

5. Tarikh Pend. Syarikat : _____

6. Tempoh Sah Pend. Syarikat : _____

7. Taraf : Bumiputera/Bukan Bumiputera
(potong yang tidak berkenaan)

8. Jenis-Jenis Perniagaan : _____

9. Jenis Syarikat : Syarikat Persendirian/Perkongsian/
Tanggung Bhd./Sdn. Bhd.
(potong yang tidak berkenaan)

10. Pendaftaran Badan Takaful

No. Pendaftaran : _____

Tarikh Luput : _____

11. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan

i. Modal Dibenarkan : _____

ii. Modal Berbayar : _____

iii. Kemudahan kewangan : _____ Nilai : _____
(Overdraf, Urusan Pemfaktoran dll)

(sila lampirkan satu salinan yang diakui sah)

12. Nama Bank : _____

Alamat Bank : _____

No. Akaun : _____

Baki penyata Bulan Okt. 2020 : RM _____

Baki Penyata Bulan Nov. 2020 : RM _____

Baki Penyata Bulan Dis. 2020 : RM _____

13. Status Syarikat (*Tandakan (/) di mana yang berkenaan*)

i. 100% Syarikat Tempatan : _____

ii. Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri : _____

iii. Syarikat Luar Negeri : _____

iv. Lain-Lain (*nyatakan*) : _____

14. Butir-Butir Pemilik / Pemegang Saham Syarikat :

i. Jika Milik Persendirian

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan

ii. Jika Milik Perkongsian

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan	% Milikan

iii. Jika Syarikat Sdn Bhd.

Bil.	Lembaga Pengarah	No. K/P

SENARAI KONTRAK PERKHIDMATAN SETARA YANG SEDANG DILAKSANAKAN

(Maklumat Perlu Diisi Dengan Lengkap. Lampiran Hanya Dibenarkan Apabila Ruangan Tidak Mencukupi Sahaja)

Bil.	Jabatan/Agensi/Perunding Yang Masih Berkontrak	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Dan Tarikh Tamat Kontrak

**SENARAI KONTRAK PERKHIDMATAN SETARA YANG TAMAT DILAKSANAKAN
(Dari Tahun 2018)**

(Maklumat Perlu Diisi Dengan Lengkap. Lampiran Hanya Dibenarkan Apabila Ruangan Tidak Mencukupi Sahaja)

Bil.	Jabatan/Agensi/Perunding Yang Tamat Berkontrak	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Dan Tarikh Tamat Kontrak

Nota : Jika didapati keterangan/maklumat di atas tidak benar, pihak MPLBP berhak menolak/membatalkan tawaran ini.

LAMPIRAN F

SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. SEBUT HARGA : MPLBP/SBT/02/2021

MENYEDIAKAN PELAN PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL BERTEMPOH DAN BERKELOMPOK GROUP TERM LIFE (GTL) & GROUP PERSONAL ACCIDENT (GPA) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN BAGI TEMPOH DUA TAHUN.

Saya,.....No.KP.....
Mewakili No. Pendaftaran SSM dengan ini mengisytiharkan bahawa saya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti diatas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan tersebut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* diatas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu yang cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

Cop Syarikat :

- Catatan :
- i) *Potong yang mana tidak berkenaan'
 - i) surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

MENYEDIAKAN PELAN PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL BERTEMPOH DAN BERKELOMPOK GROUP TERM LIFE (GTL) & GROUP PERSONAL ACCIDENT (GPA) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN BAGI TEMPOH DUA TAHUN.

SURAT PERWAKILAN KUASA

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran langkawi
Bandaraya Pelancongan
07000 Langkawi
Kedah Darul Aman

Tarikh :

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya,

No. K/P Selaku pemilik syarikat

Akan menandatangani sendiri semua dokumen berakitan dengan urusan perolehan Tender / Sebut Harga Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan *mewakillkan kuasa menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu :

- a. Nama :
- b. Alamat :
- c. Jawatan :
- d. No. K/P :
- e. No. Tel. :
- f. Alamat Emel :

Nota : *Butiran 2(a) hingga (g) perlu diisi sekiranya syarikat diwakili oleh individu selain daripada pemilik syarikat.

3. Sehubungan dengan itu, dikemukakan untuk makluman/rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Majlis sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
Nama pemilik syarikat :
Jawatan :
Cop Syarikat :

MAKLUMAT TAMBAHAN

SEKIRANYA BERLAKU ARAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) OLEH KERAJAAN DALAM TEMPOH TAWARAN SEBUT HARGA INI. PIHAK PEMBEKAL BOLEH MENGEMUKAKAN DOKUMEN SEBUT HARGA TERSEBUT SECARA E-MEL KEPADA shyfullmpl@gmail.com TERLEBIH DAHULU DAN MENYUSULKAN DOKUMEN SEBUT HARGA ASAL (HARD COPY) MELALUI POS ATAU MENGHANTAR SENDIRI KE PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN TIDAK LEBIH DARI SATU MINGGU SELEPAS DARI TARIKH TUTUP.

POHON MAKLUMKAN KEPADA URUSETIA SEBUT HARGA SEKIRANYA TELAH MENGHANTAR DOKUMEN SEBUT HARGA TERSEBUT MELALUI E-MEL DI TALIAN 017-5478183 (SHYFULLIZAN BIN PADZIL)